

13 JUL 2003

Ong-Adun/I

PENARIKAN BALIK PENGGANTUNGAN ADUN MCA DIBUAT IKUT PERATURAN

IPOH, 13 Julai (Bernama) -- MCA tidak melanggar prosedur Barisan Nasional (BN) apabila menarik balik penggantungan dua anggota Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang dan terpulanglah kepada Dewan Tertinggi BN sama ada mengesahkannya atau tidak, kata presiden parti Datuk Seri Ong Ka Ting.

Beliau berkata MCA menggunakan prosedur yang sama ketika menarik balik penggantungan Tan Cheng Liang (Jawi) dan Lim Boo Chang (Datuk Keramat) pada 16 Dis tahun lepas.

"Majlis Presiden MCA telah bermesyuarat dan memutuskan tentang penggantungan itu. Selepas itu, ia memaklumkan perkara itu kepada Dewan Tertinggi BN, khususnya kepada pengerusinya (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) dan setiausaha agungnya (Tan Sri Mohamed Rahmat). Dewan Tertinggi BN kemudian mengadakan mesyuarat dan mengesahkan keputusan itu," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Konvensyen Tahunan MCA Perak di sini hari ini.

Semalam, Ketua Menteri Pulau Pinang, yang juga Pengerusi BN Negeri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon berkata walaupun MCA menerima balik kedua-dua wakil rakyat itu, status mereka sebagai anggota Dewan Undangan Negeri perlu ditentukan oleh Dewan Tertinggi BN.

Dr Koh juga melahirkan rasa terkejutnya berhubung penarikan balik penggantungan itu kerana beliau tidak pernah dimaklumkan atau diajak berunding tentang perkara itu.

"Selepas membuat keputusan itu pada mesyuarat berkenaan, saya telah menulis surat rasmi kepada Pengerusi dan Setiausaha Agung BN. Saya juga mengirim surat rasmi itu kepada Timbalan Pengerusi BN, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Pengerusi BN Pulau Pinang (Dr Koh)," kata Ong.

Katanya MCA telah mematuhi prosedur yang ditetapkan dan apa yang akan dibincang dan diputuskan oleh Dewan Tertinggi BN adalah haknya, dan bagi MCA, ia telah melaksanakan tugasnya.

"Apa yang akan mereka lakukan...saya tidak mahu meramalnya kerana ia masih jauh. Kita tidak tahu bilakah Dewan Tertinggi akan bermesyuarat. Ia belum diputuskan. Tapi, apa yang paling penting ialah mereka (kedua-dua Adun berkenaan) telah melalui penggantungan selama tujuh bulan. Saya yakin mereka tidak akan mengulangi kesilapan serupa," katanya.

MCA menggantung kedua-dua Tan dan Lim kerana menarik diri daripada mengundi di Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang sama ada menyokong atau menentang usul yang dikemukakan oleh pembangkang bagi membantah pembinaan Jalan Lingkaran Luar Pulau Pinang.

Timbalan Presiden MCA, Datuk Chan Kong Choy, pula berkata keputusan parti itu dibuat dengan tujuan baik, demi kepentingan BN, khususnya di Pulau Pinang.

"Kini, Pulau Pinang mempunyai pasukan yang lebih kuat dengan tambahan dua anggota dewan daripada BN untuk memberikan khidmat yang lebih baik kepada parti itu. Kami harap Dr Koh akan melihat perkara ini secara positif. Kami mendapat sokongan paling kuat di kalangan anggota BN di Pulau Pinang. Kami berharap akan dapat membantu BN Pulau Pinang," katanya.

-- BERNAMA

KAY AAM SP MAI